

16 MAY 2001  
VAJPAYEE-LAWAT  
VAJPAYEE SIFATKAN LAWATANNYA BERJAYA

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee menyifatkan lawatan beliau ke Malaysia sebagai amat berjaya dan menggembirakan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas satu ceramah yang dianjurkan oleh Institute Diplomasi dan Perhubungan Luar di sini, beliau berkata Vajpayee telah memberitahu beliau bahawa tetamu India itu telah mengadakan perbincangan yang produktif dan membina dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa kunjungan beliau ke sini.

Vajpayee telah membawa rombongan terbesar dari India setakat ini untuk melawat Malaysia dari 13 hingga 16 Mei, dengan rombongan 135 anggota, yang mata 65 daripadanya adalah daripada sektor swasta.

Katanya lawatan itu adalah berbaloi melihat daripada bilangan memorandum persefahaman (MOU) yang ditanda tangani antara sektor-sektor swasta Malaysia dan India.

Mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan serantau yang disentuh oleh perdana menteri India itu pada ceramah hari ini, Syed Hamid berkata beliau gembira yang Vajpayee telah mengulangi hasrat India menghormati dan bersetuju dengan perjanjian Asia mengenai zon bebas nuklear.

Vajpayee telah menyatakan bahawa India, sebuah negara senjata nuklear, akan menghormati status Asia Tenggara sebagai sebuah zon bebas nuklear.

India menjadi rakan dialog sektor Asean pada 1992, rakan dialog penuh pada 1995 dan anggota Forum Serantau Asean pada 1996.

Sementara itu, rombongan Perdana Menteri India itu pada awal lawatan ke sini, telah melawat Putrajaya dan juga melihat Menara Berkembar Petronas, bangunan tertinggi di dunia.

Isu-isu penting kepada Malaysia dan juga India seperti tarif komoditi, globalisai perdagangan dan pelaburan diberikan pertimbangan yang sewajarnya semasa perbincangan, perundingan dan forum-forum yang diadakan sepanjang lawatan itu.

Perkara-perkara berhubung dengan levi import yang tinggi yang dikenakan ke atas minyak sawit telah disusul dengan cergas dengan India membuat komitmen untuk mengkaji semula levi itu manakala pada waktu yang sama, Malaysia telah bersetuju untuk memperbetulkan ketidakimbangan dalam perdagangan dua hala.

Lawatan itu juga menyaksikan sejumlah 15 MOU dimeterai, termasuk dua berkaitan dengan teknologi dan program angkasa lepas.

Keyakinan terhadap kerja sama masa depan dalam perdagangan dan pelaburan di antara kedua-dua negara juga menyaksikan Persekutuan Industri India (CII) menyatakan hasratnya untuk membuka pejabatnya di Malaysia, yang kesepuluh di seberang laut. -- BERNAMA

SHO SEL OS